KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI**
**Y.B. TIMBALAN MENTERI**
**Y.BHG. KSU**
**Y.BHG. TKSU (PDN)**
**Y.BHG. TKSU (PPP)**
**SETIAUSAHA AKHBAR**

## 31 JANUARI 2023 (SELASA)

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR
# (KPDN)

## 31 JANUARI 2023 (SELASA)

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI : SELASA
TARIKH : 31/1/2023
M/SURAT : 7

## Peniaga makanan belum sedia perkenal menu makanan bawah RM5

# Turun harga dulu baru Menu Rahmah

**PETALING JAYA** – Pengusaha makanan sambut baik saranan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) untuk mewujudkan Menu Rahmah, sebagai langkah membantu golongan memerlukan.

Sebaliknya mereka mahu harga bahan mentah diturunkan terlebih dahulu.

Menu Rahmah adalah hidangan makanan pada harga RM5 ke bawah khusus untuk golongan miskin tegar yang merangkumi nasi, ayam atau ikan dan sayur.

Di **Pulau Pinang**, peniaga makanan di negeri itu dikatakan belum lagi bersedia untuk memperkenalkan Menu Rahmah disebabkan kos kenaikan harga barangan mentah yang mendadak ketika ini.

Seorang peniaga tomyam di daerah Barat Daya, Rosdhi Abdullah, 45, berkata, menu tersebut akan disahut sekiranya berlaku penurunan kos barangan mentah dan basah seperti ikan dan ayam serta telur.

"Jika ada orang miskin datang kedai kami hendak makan, kami anggap bersedekah sahaja dan bagi secara percuma," katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Rosdhi menambah, setakat ini cukup sekadar memperkenalkan menu 'Nasi Bujang' yang merangkumi nasi putih, sup, telur dadar dan sambal belacan yang dijual pada harga RM4 bagi setiap set.

"Menu ini (Nasi Bujang) antara yang popular dan menjadi pilihan pelbagai kategori pelanggan termasuk golongan bujang dan M40," ujarnya lagi.



UMI KELASOM

Sementara itu, seorang lagi peniaga tomyam, Aishah Ahmad, 47, pula berkata, dia juga masih memikirkan saiz yang bakal diperkenalkan untuk penyediaan Menu Rahmah nanti.

"Harga bawah RM5 merangkumi nasi, ayam atau ikan serta sayur memang suatu nilai yang tidak pernah terlintas di fikiran dan apatah lagi dalam situasi ekonomi yang tidak menentu.

Di **Shah Alam,** Selangor kos bahan mentah yang tinggi terutama melibatkan ikan menyukarkan hidangan makanan Menu Rahmah pada harga RM5 sukar dilaksanakan pemilik kedai tomyam.

Seorang pemilik kedai tomyam sekitar daerah ini, Rugaiyah, 50, berkata, dia terpaksa memikirkan kos operasi dengan ikan sardin sekalipun ketika ini mencecah RM18 sekilo berbanding RM14 sebelum ini.



SEORANG pengusaha makanan menggoreng nasi ketika ditemui di Seberang Perai, Pulau Pinang semalam.

Katanya, pada dasarnya dia menyokong konsep diperkenalkan kerajaan, namun perlu bantuan khusus bagi menampung kos-kos tersebut.

Seorang lagi pemilik dikenali Nizam, 25, turut senada bahawa kerajaan seharusnya memikirkan pemberian insentif bagi mewujudkan situasi menang-menang.

Di **Kedah,** seorang peniaga di Guar Chempedak, Umi Kelasom Saad, 60, berkata, Menu Rahmah boleh dilaksanakan tetapi saiz hidangan ayam perlu dikecilkan.

Katanya lagi, sebelum ini seekor ayam dipotong kepada 10 bahagian dan dijual dengan harga RM6 untuk satu hidangan merangkumi nasi putih, ayam goreng, sayur kubis dan sup kosong sahaja.

| | | |
|---|---|---|
| HARI | : | SELASA |
| TARIKH | : | 31/1/2023 |
| M/SURAT | : | 4 |

# Food suppliers encouraged to join 'RM5 meal' govt initiative

**KUALA LUMPUR:** Suppliers are welcomed to play a part in the "Menu Rahmah" initiative introduced by the Domestic Trade and Cost of Living Ministry alongside Malaysian Indian Restaurant Owners Association and the Malaysian Tomyam Operators Association.

Malaysian Muslim Restaurant Owners Association president Datuk Jawahar Ali Taib Khan said the suggestion is to help provide raw materials at a lower cost to restaurants that take part.

"If there are suppliers who offer a price cut (on raw materials) during the collaboration of 'Menu Rahmah,' we can allocate the funds from companies to them," he said.

The ministry will soon introduce "Menu Rahmah," which offers meals at RM5 and below, which includes rice, chicken or fish and vegetables specifically for the hardcore poor. – Bernama

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# MEDIA ONLINE
# (KPDN)

## 31 JANUARI 2023 (SELASA)

| BERITA ONLINE BERTARIKH 31 JANUARI 2023 | | | |
|---|---|---|---|
| **TARIKH** | **TAJUK** | **PAUTAN** | **MEDIA** |
| 31-Jan | Menu Rahmah vs peniaga cekik darah | https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/242832 | SH |
| 31-Jan | Nasi Padprik Ayam & Daging antara Menu Rahmah – Bantu Mereka Yg Bajet Ciput | https://sinetronmalaya.com/nasi-padprik-ayam-daging-antara-menu-rahmah-bantu-mereka-yg-bajet-ciput/ | BLOG |
| 31-Jan | KPDN akan bertemu syarikat tele-komunikasi bincang kualiti perkhid-matan | https://tvstv.my/2023/01/30/kpdn-akan-bertemu-syarikat-telekomunikasi-bincang-kualiti-perkhidmatan/ | TVSTV |
| 31-Jan | 30 JAN 2023 B.P –PERTEMUAN KPDN DGN SYARIKAT TELEKOMUNIKASI BINCANG MUTU PERKHIDMATAN TELEKOMUNIKASI | https://youtu.be/1SF4xeUJgvo | BERITARTM |
| 31-Jan | Pelaburan industri muzik jana RM6.1 bilion ekonomi negara | https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/hiburan/selebriti/2023/01/1057612/pelaburan-industri-muzik-jana-rm61-bilion-ekonomi-negara | BH |
| 31-Jan | Pelaburan industri muzik jana RM6.1 bilion ekonomi negara | https://my-tv.online/2023/01/30/pelaburan-industri-muzik-jana-rm6-1-bilion-ekonomi-negara/ | MYTVONLINE |
| 31-Jan | Salahuddin: Ministry to meet telcos over service quality | https://www.theedgemarkets.com/node/653380 | THEEDGEMARKETS |
| 31-Jan | MyCC says MLFF toll system imple-mentation allows users to use any payment method – no TnG monopoly | https://paultan.org/2023/01/30/mycc-mlff-toll-system-any-payment-method-no-tng-monopoly/ | PAULTAN |
| 31-Jan | Did you know that the new Enhanced TNG Card with NFC expires in 7 in-stead of 10 years? | https://soyacincau.com/2023/01/30/did-you-know-that-the-new-enhanced-tng-card-with-nfc-has-a-lifespan-of-7-years/ | SOYACINCAU |
| 31-Jan | Pembekal dicadang ambil bahagian inisiatif Menu Rahmah - Presma | https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/pembekal-dicadang-ambil-bahagian-inisiatif-menu-rahmah-presma-404282%3famp=1 | ASTROAWANI |
| 31-Jan | Pembekal digalak sertai inisiatif ‘Menu Rahmah’ – PRESMA | https://themerdekatimes.com/news/2023/01/pembekal-digalak-sertai-inisiatif-menu-rahmah-presma/ | THEMERDEKATIMES |
| 31-Jan | Suppliers encouraged to take part in Menu Ramah initiative - Presma | https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2160349 | BERNAMA |